

**ANALISIS KESOPANAN BAHASA LEECH (1983)  
& GRICE (1975): MANIFESTASI POLA &  
STRUKTUR KESOPANAN BAHASA DALAM  
NOVEL *MELUNAS RINDU***

*ANALYSIS OF LEECH (1983) AND GRICE'S (1975)  
POLITENESS: THE PATTERN AND STRUCTURAL OF  
POLITENESS LANGUAGE MANIFESTATION IN THE  
NOVEL MELUNAS RINDU*

**Sara Beden**

**Indirawati Zahid**

Jabatan Bahasa Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengklasifikasi dan menstrukturkan pola kesopanan bahasa dalam novel *Melunas Rindu*, iaitu Komponen Sastera (Komsas) yang digunakan oleh murid tingkatan empat di Zon 4 (Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Gambaran kesopanan bahasa diperlihatkan melalui peristiwa dan dialog-dialog antara watak dalam novel ini. Dalam mempraktikkan kesopanan berbahasa, terdapat struktur tertentu yang digunakan sesuai dengan peristiwa yang dirujuk. Sehubungan dengan itu, analisis yang dilakukan akan memaparkan struktur peristiwa kesopanan bahasa yang diaplikasikan dalam data kajian. Novel ini dianalisis berdasarkan dialog watak utama dan watak sampingannya dengan berfokus pada dialog dalam bab 12 novel ini. Dialog yang menjadi data kajian akan dianalisis dengan menggunakan model kesopanan Leech (1983) dan model kesopanan Grice (1975). Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks dan kaedah kuantitatif. Berdasarkan analisis, dapatan kajian memperlihatkan hanya empat maksim Leech dan dua maksim Grice telah dipatuhi. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa maksim-maksim Leech tidak dapat berdiri sendiri bagi menggambarkan kesopanan berbahasa dalam beberapa peristiwa sebaliknya memerlukan kombinasi maksim sehingga membentuk pola-pola tertentu. Kehadiran maksim Grice dalam kasus tertentu telah

melengkapkan maksim Leech. Dapatan analisis turut menunjukkan bahawa struktur yang digunakan dalam pola kesopanan bahasa bagi setiap peristiwa adalah bervariasi. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa kesopanan bahasa dan struktur pola kesopanan yang wujud tidak berlaku sewenang-wenangnya sebaliknya berobjektifkan sesuatu peristiwa.

**Kata kunci:** dialog, prinsip kesopanan, prinsip kerjasama, struktur, pola kombinasi dan pola kombinasi maksim.

### ***Abstract***

*The purpose of this research was to classify and structuralize the politeness pattern in the novel entitled Melunas Rindu, which is a literature component (Komsas) that was used by the form four students in Zone 4 (Johor, Sabah, Sarawak and Wilayah Persekutuan Labuan). The politeness pattern was depicted through various contexts and dialogues between the characters in the novel. When practising the politeness, a suitable structure was used according to a specific context. Thus, the research data would reflect the analysis done on this politeness degree pattern. The dialogues of the main and supporting novel characters from Chapter 12 were analysed. Two models, Leech Politeness Principle (1983) and Grice Model of Communication (1975), were used to analyse the dialogues. This research used the library research, text analysis and quantitative methods. The findings showed that only four Leech maxims and only two Grice maxims were fulfilled. The findings also showed that the Leech maxims were not able to stand alone in portraying the politeness degree, for they need a combination of maxims to form specific patterns. In certain cases, the Leech maxims were completed with the presence of the Grice maxims. In addition, the application of structure in the politeness pattern for each contexts was diversified. It can be concluded that the politeness and its structure of politeness pattern exist because of specified events.*

**Keywords:** dialogues, the politeness principles, the cooperative principles, structures, combination pattern, maxim combination pattern.

## **Pendahuluan**

Kesopanan semasa berwacana atau berbahasa akan menjadi penentu untuk mencitrakan diri dan keperibadian seseorang. Lantaran itu, kesopanan berbahasa tidak boleh dipandang remeh kerana penggunaan bahasa yang sopan berhubung erat dengan sosiobudaya dan konteks pengguna dan penggunaannya. Dengan kata lain, kesopanan berbahasa dipengaruhi budaya yang melatari kehidupan sesebuah masyarakat. Seseorang yang berbahasa dengan sopan seperti lemah lembut, tertib, jelas, tidak berlebih-lebihan dan tidak menyinggung perasaan orang lain dianggap sebagai orang yang “tahu bahasa” dan beradab dalam budaya masyarakatnya.

Aspek kesopanan berbahasa bukan sahaja signifikan dalam penggunaan bahasa yang bersifat lisan semata-mata malahan memainkan peranan yang penting dalam penggunaan bahasa yang bersifat tulisan. Sesebuah teks harus memaparkan penggunaan bahasa yang sopan agar menjadi wadah yang berkesan untuk mentarbiah generasi muda khususnya para murid. Sesebuah karya sastera yang bermutu tidak akan meminggirkan aspek kesopanan berbahasa sebagai cerminan keintelektualan pengarangnya. Oleh itu, langkah Kementerian Pendidikan Malaysia mengintegrasikan bahan sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan tindakan yang wajar dan bijak untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), iaitu menekankan pengembangan potensi anak didik secara seimbang daripada segi jasmani, rohani, intelektual dan emosional (Naffi Mat, 2006; 45).

Pengintegrasian teks sastera secara sistematik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mulai tahun 2000 sehinggalah sekarang bukan sahaja memudahkan para guru malahan memberikan manfaat kepada para murid dalam mengenali karya dan pengarangnya. Perkara yang lebih mustahak ialah kandungan teks sastera yang sarat dengan falsafah dan pemikiran yang dijelmakan oleh pengarang. Menurut Azman Ismail (2010; 15), sesebuah karya kreatif tanpa mengira genre mempunyai hubungan yang erat dengan persoalan moral, intelektual, keagamaan, etika, suara kemanusiaan, keluhuran dan kedamaian. Beliau turut berpendapat bahawa melalui kehalusan dan estetika, sesebuah karya sastera mampu membangkitkan nilai yang bersesuaian dengan fitrah manusia yang dahagakan keindahan, kedamaian, keharmonian dan mengungkapkan cara sesebuah masyarakat berfikir. Pandangan ini bertepatan dengan hasrat murni dalam FPK yang hendak melahirkan

generasi yang mempunyai daya intelektual dan daya fikir yang tinggi tanpa mengesampingkan keseimbangan emosi, rohani dan jasmani.

Langkah mengintegrasikan teks sastra dalam subjek Bahasa Melayu amat bertepatan dengan usaha untuk menerapkan nilai murni kerana implementasi ini merupakan suatu mekanisme dalam P&P yang akhirnya akan menampilkan hasil yang efektif dan faedah yang tidak ternilai. Justeru, kajian ini akan memaparkan aspek kesopanan bahasa dalam teks Komsas yang dipilih dan struktur tertentu yang digunakan oleh watak-watak dalam memberi peristiwa komunikasi bagi menggambarkan kesopanan.

### **Sorotan Kajian**

Kajian ini sekadar menyebut beberapa nama sarjana Barat dan tempatan yang mengkaji kesopanan berbahasa. Sarjana Barat yang memberi perhatian terhadap bidang ini termasuklah Grice yang menulis tentang *logic and conversations* pada tahun 1975. Grice telah memperkenalkan Prinsip Kerjasama (PK), iaitu kaedah untuk mengatur pertuturan atau interaksi bersemuka yang mementingkan makna. Grice mengemukakan empat maksim yang menjadi gagasannya, iaitu:

- i. Maksim Kuantiti
- ii. Maksim Kualiti
- iii. Maksim Relevan
- iv. Maksim Cara.

Pada tahun 80-an, bidang kesopanan berbahasa semakin mendapat tempat dalam kalangan pengkaji dan antara yang terkenal ialah Leech. Leech telah memperkenalkan Prinsip Kesopanan (PS) dalam bukunya *Principles of Pragmatics* (1983). Leech mengetengahkan enam maksim untuk memastikan kesopanan berbahasa dipatuhi oleh pendengar dan penutur, iaitu:

- i. Maksim Kebijaksanaan
- ii. Maksim Kedermawanan
- iii. Maksim Sokongan
- iv. Maksim Kerendahan Hati
- v. Maksim Persetujuan
- vi. Maksim Simpati.

Maksim-maksim ini menitikberatkan manfaat yang diperoleh pendengar dalam komunikasi sehingga mencapai darjah kesopanan berbahasa.

Sementara itu, sarjana tempatan yang menulis tentang kesopanan berbahasa termasuklah Asmah Haji Omar (2000) dalam bukunya yang bertajuk *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Asmah membahagikan kesantunan kepada dua jenis, iaitu kesantunan asas dan kesantunan berkendala. Menurutnya, strategi kesantunan melibatkan beberapa faktor seperti kesedaran akan peranan masing-masing, perbezaan latar sosial, kuasa dan kepatuhan mengawal perbincangan berdasarkan tajuk serta air muka. Noriati A.Rashid (2013) pula dalam bukunya yang bertajuk *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan* mengetengahkan input Islam sebagai landasan terhadap perlakuan sopan dalam kalangan orang Melayu. Menurutnya, setiap perlakuan sopan harus bermula dengan niat yang tulus ikhlas dan datang dari hati yang suci bersih.

Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad dalam bukunya *Santun Komunikasi* (2001) membicarakan kesantunan berbahasa dalam berkomunikasi. Beliau memberi penekanan terhadap komunikasi dalam keluarga dan komunikasi di tempat kerja. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2001: ix) menegaskan bahawa pemantapan komunikasi harus bermula di rumah sebelum keluar membanting tulang mencari rezeki yang halal. Istilah santun komunikasi digunakan kerana membawa maksud komunikasi yang dijalankan adalah bersandarkan etika, prinsip, norma, adat dan budaya masyarakat kita. *Santun Bahasa* (2007) oleh Awang Sariyan pula mengaitkan kesopanan bahasa dengan *amar makruf nahi mungkar*, iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Awang Sariyan memetik definisi kesantunan Asmah Haji Omar yang menyatakan kesopanan perlu mematuhi tiga prinsip, iaitu tatabahasa, sosiolinguistik dan pragmatik. Beliau membuat perincian bahawa kesopanan merupakan perkara yang dituntut dalam Islam. Beliau juga menyentuh tentang sistem sapaan dan gaya pengungkapan yang santun dalam berbahasa.

Lanjutan itu, kajian kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas mula mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji walaupun belum menyeluruh. Nor Azian Abd Aziz (2005) dalam kajian sarjananya yang bertajuk *Analisis Kesantunan Berbahasa: Satu Kajian Kes* telah mengkaji novel Komsas yang bertajuk *Seteguh Karang*. Dalam kajian ini, beliau mengaplikasikan keenam-enam PS Leech bagi melihat

kesopanan berbahasa dalam teks tersebut. Sementara itu, Muhamad Yazid Haji Kassim (2005) dalam tesis kedoktorannya yang bertajuk *Genre Drama dalam Teks Sastera: Kajian Kandungan Nilai* telah mengkaji bahan Komsas dengan memberi fokus terhadap genre drama dalam antologi Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Kajian beliau tertumpu pada aspek nilai-nilai murni yang merangkumi nilai kekeluargaan, nilai peribadi dan nilai kewarganegaraan. Terkini, kajian oleh Noor Hartini Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2012) yang bertajuk *Eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani* dalam *Jurnal Pengajian Melayu*. Kajian ini memberi fokus pada unsur eufemisme dalam kedua-dua buah novel dengan menggunakan Maksim Santun dalam PS Leech.

Kesimpulannya, perkembangan kajian kesopanan memanifestasikan kepentingan kajian terhadap aspek kesopanan bahasa dijalankan dengan lebih meluas. Kajian kesopanan bahasa amat signifikan dalam usaha melahirkan insan yang menitikberatkan kelembutan dan ketertiban tutur kata yang dapat mencitrakan budi pekerti yang mulia. Hal ini demikian kerana cara untuk mencerminkan kesopanan memerlukan pendekatan atau cara yang tertentu agar dapat memaparkan kehalusan berbicara. Walau bagaimanapun, kajian kesopanan dalam bahan Komsas masih belum meluas setakat ini dan memerlukan tinjauan serta kajian yang lebih terperinci.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai objektif, iaitu mengklasifikasi dan memetakan struktur peristiwa kesopanan berbahasa dalam novel Komsas, iaitu *Melunas Rindu (MR)* berdasarkan Prinsip Kesopanan Leech (1983) dan Prinsip Kerjasama Grice (1975).

### **Komsas (Komponen Sastera) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu**

Komsas mula diperkenalkan pada tahun 2000 secara terancang dan merangkumi genre novel, cerpen, puisi tradisional, sajak dan prosa klasik. Kajian ini menggunakan genre novel yang bertajuk *Melunas Rindu (MR)* karya Hartini Hamzah. Novel *MR* merupakan novel yang telah dipilih oleh panel penilai untuk dijadikan bahan Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat sekolah menengah dan digunakan oleh para murid Tingkatan Empat di Zon 4 (Johor, Sarawak,

Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan). Novel ini mengandungi 19 bab dengan ketebalan 209 halaman. Novel ini diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd. pada tahun 2009<sup>1</sup> untuk edisi murid. Novel ini pernah memenangi tempat pertama kategori Novel Remaja Hadiah Sastera Utusan Melayu & Public Bank 1998.

Sesebuah karya sastera yang dipilih untuk bacaan dan kajian serta penghayatan para murid sudah tentu memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum sejak bermulanya penyerapan teks Komsas secara terancang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada tahun 2000. Langkah ini diambil setelah mengkaji kandungan dalam sesebuah karya sastera yang sudah tentu mengandungi nilai-nilai murni sebagai wadah untuk mentarbiah dan menyemai unsur-unsur yang membina sama ada dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek seperti yang tercakup dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.<sup>2</sup>

Sesebuah karya sastera turut mementingkan pertuturan secara bersopan atau santun ketika watak berdialog dengan orang lain di samping mendedahkan penggunaan bahasa yang berlapik. Justeru, integrasi teks sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dapat membantu para murid mempertajam minda dan meningkatkan kepekaan mereka dalam berkomunikasi. Kesenambungannya, bahan Komsas bukan sahaja dapat memberikan gambaran kesopanan bahasa kepada golongan murid melalui paparan dialog-dialog antara watak malahan dapat mendedahkan struktur kesopanan bahasa yang dipaparkan melalui penggunaan unsur-unsur atau ungkapan tertentu dalam sesebuah teks. Kajian ini menggunakan dialog yang dilafazkan oleh dua watak, iaitu Fuad watak utama dan watak sampingan, iaitu Farhana dalam Bab 12 novel ini. Walaupun terdapat 69 dialog dalam data Bab 12, namun kajian ini hanya menggunakan 23 dialog (halaman 129-131). Jumlah 23 dialog ini bukanlah jumlah mutlak bilangan dialog kerana dialog dirujuk sebagai bentuk lafaz seseorang watak yang boleh menyamai jumlah satu ayat atau bentuk lafaz seseorang watak yang melebihi jumlah satu ayat dalam sesuatu peristiwa.

---

<sup>1</sup> Novel *Melunas Rindu* mula digunakan oleh para murid Tingkatan Empat di Zon 4 (Johor, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai tahun 2010 bagi menggantikan novel Terminal Tiga (2000-2009) karya Othman Puteh.

<sup>2</sup> Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dinyatakan dengan jelas bahawa matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kementerian Pelajaran Malaysia : iii)

## **Model Prinsip Kesopanan Leech (1983) & Model Prinsip Kerjasama Grice (1975)**

Leech (1983) telah memperkenalkan satu prinsip yang dikenali dengan Prinsip Kesopanan (PS). PS Leech lebih menekankan faktor budaya masyarakat, psikologi penutur-pendengar dalam menyampaikan maksud dengan berkesan. PS ini lebih menekankan tingkah laku dan persoalan beradab yang menghubungkan dua pihak dalam sesuatu proses komunikasi iaitu antara diri sendiri yakni penutur dan orang lain yakni pendengar. Leech (1983) memberi penekanan pada prinsip yang memaksimumkan keuntungan, kesepakatan, rasa hormat dan sikap belas kasihan kepada orang lain dengan meminimumkan atau mengabaikan perkara-perkara tersebut terhadap diri sendiri. Terdapat enam maksim dalam PS Leech yang dapat dikelaskan dalam empat skala.

- i. Maksim Kebijaksanaan (*Tact*) ialah maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain.
- ii. Maksim Kedermawanan (*Generosity*) ialah maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri atau dengan kata lain menguntungkan orang lain. Maksim Sokongan (*Approbation*) ialah maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain.
- iii. Maksim Kerendahan Hati (*Modesity*) ialah maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri.
- iv. Maksim Persetujuan (*Agreement*) ialah maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain bagi mencapai kesepakatan.
- v. Maksim Simpati (*Sympathy*) ialah maksim yang meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.



Grice (1975) telah mengemukakan Prinsip Kerjasama, yaitu prinsip atau tatacara yang perlu dipatuhi oleh penutur dalam perbualan mereka untuk menghasilkan satu komunikasi yang berkesan dengan kewujudan kerjasama kedua-dua belah pihak yang mengambil bahagian dalam perbualan tersebut. Prinsip ini merupakan satu kaedah yang unggul atau ideal untuk mengatur pertuturan atau interaksi verbal bersemuka. Prinsip kerjasama ini membolehkan sesuatu perbualan berjalan dengan lancar apabila mereka yang sedang terlibat dalam perbualan mengandaikan bahawa pasangan mereka sedang bekerjasama. Empat maksim yang dikemukakan oleh Grice ialah:

- i. Kuantiti
- ii. Kualiti
- iii. Relevan
- iv. Cara.

Kajian ini akan mengaplikasikan keenam-enam maksim dalam PS Leech, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Maksim Kedermawanan, Maksim Sokongan, Maksim Kerendahan Hati, Maksim Persetujuan dan Maksim Simpati dengan dilengkapi keempat-empat maksim dalam PK Grice berdasarkan peristiwa dalam Bab 12 novel *MR* ini bagi memperlihatkan kesopanan bahasa yang digunakan. Kajian ini akan menggunakan maksim-maksim dalam PS Leech sebagai landasan kajian yang utama manakala maksim-maksim dalam PK Grice akan diaplikasi apabila terdapat data-data yang tidak dapat dipadankan dengan maksim Leech.

### **Pengklasifikasikan Data**

Pengklasifikasian data memperlihatkan pembentukan tiga pola kombinasi maksim berdasarkan peristiwa-peristiwa Bab 12 ini, iaitu:

- i. pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan
- ii. pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Relevan
- iii. pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan.

Ketiga-tiga pola kombinasi maksim tersebut terbentuk berdasarkan analisis terhadap tiga peristiwa dalam data Bab 12 ini. Pola-pola kombinasi maksim ini juga terbentuk bertitik tolak daripada maksim-maksim dalam model Leech dan Grice tidak dapat berdiri sendiri dalam memperlihatkan kesopanan berbahasa. Sementara itu, analisis turut memperlihatkan struktur peristiwa kesopanan berbahasa yang bervariasi kerana setiap peristiwa komunikasi mempunyai objektif yang tertentu dan berbeza-beza.

Dapatan ini memperlihatkan kesopanan berbahasa wujud hasil daripada kombinasi dua prinsip, iaitu yang utamanya PS Leech dan dilengkapi PK Grice dalam Bab 12 novel ini. Pengklasifikasian data berdasarkan analisis terhadap peristiwa-peristiwa Bab 12 ini terdapat dalam Jadual 1 yang berikut:

**Jadual 1:** Jadual Pola Kombinasi Maksim PS Leech dan PK Grice

Prinsip	Peristiwa	Pola Kombinasi Maksim	Jumlah Dialog	Peratus (%)
Kesopanan Leech/ Kerjasama Grice	Peristiwa 1	Kebijaksanaan+Sokongan+ Kerendahan Hati + Persetujuan+Kuantiti+ Relevan	14	60.87
	Peristiwa 2	Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Relevan	5	21.74
	Peristiwa 3	Kebijaksanaan+Persetujuan +Relevan	4	17.39
<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>23</b>	<b>100</b>

Jadual 1 menunjukkan pola-pola yang terbentuk berdasarkan pengklasifikasian terhadap 3 peristiwa dalam Bab 12 dengan menggunakan PS Leech dan PK Grice. Terdapat 3 pola kombinasi maksim yang terbentuk berdasarkan 3 peristiwa dalam Bab 12 ini. Pengklasifikasian tersebut menunjukkan pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan dalam peristiwa 4 diwakili 14 dialog, iaitu sebanyak 60.87 peratus dan pola kombinasi maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Relevan dalam peristiwa 5 pula diwakili 5 dialog, iaitu 21.74 peratus dan pola Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan dalam peristiwa 6 diwakili 4 dialog, iaitu 17.39 peratus.

## **Perbincangan Analisis**

Terdapat tiga pola kombinasi maksim yang terbentuk berdasarkan pengklasifikasian dan penganalisisan terhadap data-data dalam bab 12 novel ini. Pola kombinasi maksim adalah berbeza dalam setiap peristiwa kerana maklumat yang menjadi bahan bualan dalam setiap peristiwa adalah berbeza-beza walaupun dituturkan oleh watak yang sama, iaitu Fuad dan Farhana selain memperlihatkan struktur peristiwa kesopanan berbahasa yang bervariasi bagi mencapai objektif komunikasi. Perbincangan analisis adalah seperti berikut:

### **Pola Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan - Peristiwa 1: Farhana ingin Mendapatkan Kepastian Fuad**

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan ini dapat dilihat dalam Lampiran 1. Perbualan dalam peristiwa Farhana ingin mendapatkan kepastian Fuad dalam Bab 12 ini mematuhi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui penggunaan kata yang tepat untuk memanggil rakan yang sudah akrab, iaitu kata ganti nama *aku*, *kau* dan kata ganti nama peribadi seperti *Ana* dan *Fuad*. Penggunaan dan pemilihan kata ganti nama yang tepat ini mengimplicasikan kesopanan berbahasa dan memaksimumkan manfaat kepada pendengar.

Maksim Sokongan dikenal pasti melalui kata pujian daripada Farhana untuk adik Fuad bernama Sofia dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D15/32 *Maksud aku, Sofia dulu jauh lebih cantik*. Kata sifat *cantik* merupakan kata pujian yang memaksimumkan pujian terhadap orang lain walaupun orang ketiga.

Maksim Kerendahan Hati pula terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D18/32 *Maaf Fuad, maaf. Aku betul-betul minta maaf. Aku tak bermaksud melukakan perasaan kau*. Farhana mengungkapkan kata *maaf* sebanyak tiga kali sebagai tanda kerendahan hati atas kesilapannya menyebut nama adik Fuad yang sudah meninggal dunia. Kata *maaf* dapat memaksimumkan cacian kepada diri sendiri dalam usaha memmanifestasikan kesopanan berbahasa. Maksim Kerendahan Hati juga terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H129-D14/32 *Tapi aku tak cantik, kan?* yang dituturkan oleh Farhana.

Ungkapan negatif *tak cantik* menggambarkan penolakan Farhana atas pujian Fuad yang mengatakannya istimewa. Penolakan terhadap pujian mencerminkan penutur berusaha untuk meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dalam berkomunikasi agar dapat mencerminkan kesopanan.

Maksim Persetujuan pula ditandai persetujuan secara langsung seperti dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D17/32 *Yalah ...* yang dituturkan oleh Farhana bagi menyetujui pernyataan Fuad bahawa Sofia adiknya dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H130-D18/37 *Tapi dia adik aku*. Kata *yalah* mencerminkan persetujuan secara langsung Farhana yang dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain.

Peristiwa komunikasi ini juga memperlihatkan kehadiran Maksim Kuantiti seperti dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H129-D14/37 *Sebab hari ni hari jadi kau ...* yang dilafazkan oleh Fuad bagi memenuhi permintaan Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H129-D12/32 *Fuad, aku tanya kau sikit boleh? Kenapa kau ajak aku keluar ni?*, iaitu bertanya sebab Fuad membawanya keluar. Jawapan yang diberikan oleh Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H129-D14/37 adalah mencukupi dan tidak berlebihan. Dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D16/32 *Cemburu tu tidaklah*, yang dituturkan oleh Farhana dapat memenuhi pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H130-D17/37 *Kau cemburu, Ana?* Jawapan atau maklumat yang diberikan oleh Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D16/32 mencukupi untuk memenuhi permintaan Fuad berdasarkan topik perbualan mereka dan dapat mewujudkan kerjasama dalam berkomunikasi.

Maksim Relevan pula terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H129-D15/37 *Entahlah Ana. Mungkin sebab kau istimewa. Aku sukakan kau* seperti yang dituturkan oleh Fuad bagi menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H129-D13/32 *Tapi, orang lain pun ada hari jadi juga, kan? Kenapa tak susah-susah cari tarikh hari jadi mereka macam kau cari aku punya, lepas tu beri kad dan ajak keluar?* Jawapan yang diberikan oleh Fuad mempunyai pertalian dengan pertanyaan Farhana yang inginkan kepastian. Walaupun Fuad mengatakan *entahlah Ana* yang secara tersiratnya Fuad mungkin tidak mahu berterus-terang namun jawapan *Mungkin sebab kau istimewa* dan *Aku sukakan kau* merupakan ciri-ciri maklumat yang rapat dan secara tersuratnya berkaitan bagi menjawab pertanyaan tentang punca Fuad membawa Farhana keluar, iaitu Fuad menganggap Farhana seorang yang istimewa dan dia menyukainya. Situasi ini sekali gus dapat mewujudkan kerjasama dalam komunikasi.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati peristiwa ini memperlihatkan struktur tertentu dalam memaparkan kesopanan berbahasa seperti dalam Jadual 2 yang berikut:

Peristiwa	Unsur	
Farhana ingin mendapatkan kepastian daripada Fuad	Unsur sapaan	Kebijaksanaan
	Unsur pertanyaan	Kuantiti
	Unsur pernyataan	
	Unsur pertanyaan	Sokongan
	Unsur pujian	
	Unsur penafian	Kerendahan Hati
	Unsur pertanyaan	Relevan
	Unsur pernyataan	
	Unsur pertanyaan	Kuantiti
	Unsur pernyataan	
	Unsur pernyataan	Persetujuan
Unsur permintaan	Kerendahan Hati	
Unsur pernyataan	Sokongan	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa yang terdapat dalam Jadual 2, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menggunakan unsur sapaan untuk menyapa Fuad melalui penggunaan kata nama peribadi sebelum bertanya sesuatu kepada Fuad bagi memperlihatkan kebijaksanaan seseorang dalam berbahasa. Kemudian barulah Farhana menggunakan unsur pertanyaan untuk mendapatkan maklumat tentang sebab Fuad membawanya keluar dan Fuad menggunakan unsur pernyataan bagi memberikan maklumat yang secukupnya, iaitu kerana harijadi Farhana. Seterusnya, Fuad menggunakan unsur pujian dengan memuji Farhana istimewa dan Fuad menyukainya apabila Farhana bertanya tentang sebab Fuad memberi layanan yang berbeza kepadanya ketika harijadi. Apabila mendengar pujian Fuad, Farhana menggunakan unsur penafian, iaitu menolak pujian bagi menggambarkan kerendahan hatinya. Bagi mendapatkan maklumat yang relevan Fuad menggunakan unsur pertanyaan tentang siapa yang menyatakan Farhana tidak cantik apabila mendengar penafian Farhana. Farhana menggunakan unsur pernyataan bagi memberikan maklumat yang relevan dengan menyatakan Sofia lebih cantik.

Setelah mendengar jawapan Farhana, Fuad menggunakan unsur pertanyaan untuk mendapatkan maklumat sama ada Farhana cemburu atau tidak dan Farhana menggunakan unsur pernyataan dengan menyatakan dia tidak cemburu. Kemudiannya Fuad menggunakan unsur pernyataan dengan menyatakan bahawa Sofia ialah adiknya dan Farhana menyatakan persetujuannya. Seterusnya, Farhana menggunakan unsur permintaan dengan meminta maaf sebagai tanda kerendahan hatinya kepada Fuad apabila Fuad menyatakan bahawa adiknya sudah meninggal. Akhirnya, Fuad menggunakan unsur pernyataan dengan menyatakan sokongannya sebagai tanda meminimumkan cacian kepada Farhana apabila mendengar lafaz maaf daripada Farhana. Unsur sapaan, pertanyaan, pernyataan, pujian, penafian dan permintaan digunakan dalam peristiwa ini untuk mencerminkan kesopanan selain mencapai objektif komunikasi, iaitu Farhana berjaya mendapat maklumat tentang sebab Fuad memberi kad dan membawanya keluar walaupun wujud konflik yang berakhir dengan penyelesaian antara mereka.

### **Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Relevan-Peristiwa 2: Bergurau semasa Makan**

Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Relevan dapat dilihat dalam Lampiran 1. Perbualan dalam peristiwa Fuad dan Farhana bergurau tentang makanan dalam Bab 12 ini mematuhi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui penggunaan kata ganti nama seperti *aku* dan *kau* dalam perbualan. Pemilihan kata ganti nama ini sesuai dan mencerminkan kesopanan berbahasa sebab berlaku dalam perbualan dua orang rakan sekerja yang akrab.

Maksim Kerendahan Hati pula terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H130-D23/37 *Okey ... Okey, maaf*. Fuad meminta maaf dengan penanda kata *maaf* kepada Farhana walaupun pada masa itu mereka sedang bergurau kerana tidak mahu hubungannya dengan Farhana terjejas apabila melihat Farhana galak bergurau. Tindakan Fuad ini mencerminkan sikap rendah diri seseorang yang sanggup memaksimumkan cacian kepada diri sendiri dan memanifestasikan kesopanan wujud walaupun dalam gurauan.

Peristiwa ini juga memperlihatkan kehadiran Maksim Relevan seperti dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D19/32 *Ah, tak betul! Aku satu kau sembilan belas. Aku kecil. Kau besar. Logiknya tentulah perut*

**aku kecil, perut kau besar.** Pandangan Farhana ini masih relevan dengan kata-kata Fuad yang mengatakan Farhana makan banyak dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H130-D21/37. Farhana menyatakan pendapat Fuad itu salah kerana Fuadlah yang secara logiknya makan banyak kerana badannya lebih besar. Maksim ini juga terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D20/32 **Kau cemburu?** yang dituturkan oleh Farhana bagi memberi respons kepada pertanyaan Fuad yang mengatakan Farhana boleh tahan atau galak kalau bergurau. Walaupun Farhana tidak menjawab ya, tetapi difahami secara tersiratnya bahawa jawapan ini memperlihatkan ciri atau hubungan rapat kerana Farhana bertanya balik adakah Fuad cemburu dengan sikap Farhana yang galak bergurau. Jawapan atau maklumat yang diberi dalam dialog-dialog tersebut masih mempunyai pertalian dengan pertanyaan dalam mewujudkan kerjasama semasa berkomunikasi.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati peristiwa ini memperlihatkan struktur tertentu dalam memaparkan kesopanan berbahasa seperti dalam Jadual 3 yang berikut :

Peristiwa	Unsur
Bergurau tentang makanan	Unsur Kebijaksanaan
	Unsur Relevan
	lawak
	Unsur pernyataan
	Unsur pertanyaan
	Unsur Kerendahan Hati
	Unsur permintaan

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa yang terdapat dalam Jadual 3, mukadimah perbualan dimulakan Fuad dengan menggunakan unsur pernyataan dengan menyelitkan unsur sapaan, iaitu kata ganti nama aku dan kau untuk memanggil dirinya dan Farhana bagi menggambarkan kebijaksanaan atas faktor keakraban mereka. Pada masa yang sama Fuad menggunakan unsur lawak dengan menyatakan Farhana makan banyak semasa makan untuk mendapatkan respons yang relevan daripada Farhana. Farhana pula menggunakan unsur lawak dan unsur pernyataan untuk memberikan maklumat yang relevan dengan menyatakan Fuad

makan lebih banyak sebab badannya lebih besar. Apabila mendengar gurauan Farhana, Fuad terus menyatakan Farhana sangat galak kalau bergurau dan Farhana pun menggunakan unsur pertanyaan bagi memberi respons yang relevan kepada Fuad. Akhirnya, Fuad mengakhiri gurauan dengan meminta maaf kepada Farhana agar gurauan itu tidak berpanjangan. Unsur sapaan, pernyataan, lawak, pertanyaan dan permintaan digunakan dalam peristiwa ini bagi mencerminkan kesopanan berbahasa selain mencapai objektif komunikasi, iaitu bergurau untuk mewujudkan suasana yang mesra.

### **Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Persetujuan+Relevan-Peristiwa 3: Perbualan tentang Fuad Hendak ke Rumah Cikgu Zamani**

Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan dapat dilihat dalam Lampiran 2. Perbualan dalam peristiwa Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani dalam Bab 12 ini mematuhi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui penggunaan kata ganti nama seperti *aku* dan kata nama peribadi, iaitu *Ana* dalam perbualan. Pemilihan kata ganti nama ini sesuai dan mencerminkan kesopanan berbahasa sebab berlaku dalam perbualan dua orang rakan sekerja yang akrab. Selain itu, maksim ini juga diperlihatkan melalui penggunaan kata panggilan hormat, iaitu *cikgu* yang digunakan oleh Fuad untuk memanggil Cikgu Zamani. Penggunaan kata panggilan yang sesuai bukan sahaja mencerminkan kesopanan malahan dapat memaksimumkan manfaat kepada orang lain.

Maksim Persetujuan pula terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H131-D22/32 *Pergilah*, yang dilafazkan oleh Farhana bagi menyetujui kata-kata Fuad yang hendak pergi ke rumah Cikgu Zamani dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H131-D25/38. Farhana memberikan persetujuan secara langsung dalam perbualan ini dan memmanifestasikan usaha memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain.

Maksim Relevan dalam peristiwa ini terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H131-D25/38 *Entah, dia ajak ke rumah selepas isyak. Ada makan-makan sikit, katanya dah banyak kali dia ajak sebelum ni, cuma aku saja yang asyik cari alasan*. Jawapan Fuad bagi menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H131-D21/32 *Buat apa pula?* mempunyai pertalian walaupun Fuad tidak memberitahu apa



tujuannya secara objektif. Jawapan Fuad bahawa Cikgu Zamani yang mengajaknya kerana ada jamuan sedikit dapat memenuhi pertanyaan Farhana dan mencerminkan ciri-ciri yang rapat dengan pertanyaan dan dapat mewujudkan kerjasama dalam perbualan.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati peristiwa ini memperlihatkan struktur tertentu dalam memaparkan kesopanan berbahasa seperti dalam Jadual 4 yang berikut :

<b>Peristiwa</b>	<b>Unsur</b>	
Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani	Unsur sapaan	Kebijaksanaan
	Unsur pernyataan	
	Unsur pertanyaan	Relevan
	Unsur pernyataan	
	Unsur pernyataan	Persetujuan
	Unsur suruhan	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa yang terdapat dalam Jadual 4, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan unsur sapaan melalui penggunaan kata nama peribadi untuk menyapa Farhana sebelum memberitahu sesuatu bagi menggambarkan kebijaksanaan. Kemudian barulah Fuad memberitahu dengan menggunakan unsur pernyataan bahawa dia hendak ke rumah Cikgu Zamani. Seterusnya, Farhana menggunakan unsur pertanyaan untuk bertanya tentang tujuan Fuad ke rumah Cikgu Zamani dengan tujuan mendapatkan maklumat yang relevan. Fuad pula menggunakan unsur pernyataan untuk memberi maklumat yang relevan tentang tujuannya ke rumah Cikgu Zamani. Akhirnya, Fuad menyatakan bahawa dia akan pergi kali ini seolah-olah untuk mendapatkan persetujuan daripada Farhana. Farhana pula menggunakan unsur suruhan bagi memperlihatkan persetujuannya. Unsur sapaan, pernyataan, pertanyaan dan suruhan digunakan dalam peristiwa ini bagi menggambarkan kesopanan berbahasa selain mencapai objektif komunikasi, iaitu Fuad berjaya memberitahu Farhana dan tujuannya ke rumah Cikgu Zamani.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, watak-watak dalam novel ini telah memperlihatkan kesopanan dalam komunikasi yang berlangsung.

Berdasarkan analisis, didapati pola kombinasi maksim yang tertinggi ialah pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan iaitu sebanyak 60.87 peratus sementara pola kombinasi maksim yang terendah ialah pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Persetujuan+Relevan iaitu sebanyak 17.39 peratus.

Kajian menunjukkan bahawa maksim-maksim dalam PS Leech tidak dapat berdiri sendiri dalam memperlihatkan kesopanan berbahasa sebaliknya memerlukan kombinasi maksim-maksim yang lain dalam sesuatu peristiwa perbualan. Maksim Kuantiti dan Maksim Relevan dalam PK Grice pula wujud dalam kasus tertentu bagi melengkapi maksim-maksim Leech. Justeru, PK Grice dapat melengkapi kekurangan yang terdapat dalam PS Leech kerana tidak semua dialog dapat dipadankan dengan maksim-maksim Leech. Impaknya, wujudlah pola-pola tertentu bagi maksim-maksim berkenaan dalam peristiwa-peristiwa yang berbeza. Lanjutan daripada itu, perbualan dalam setiap peristiwa bukan sahaja memperlihatkan darjah kesopanan yang tinggi malahan lebih bermakna, teratur dan berkesan.

Kajian juga memperlihatkan bahawa struktur peristiwa kesopanan berbahasa disampaikan dalam struktur yang bervariasi. Walaupun hasil dapatan memperlihatkan penggunaan pola-pola tertentu tetapi struktur peristiwa dalam setiap peristiwa komunikasi tersebut berbeza antara satu sama lain. Perkara ini berlaku disebabkan setiap peristiwa mempunyai objektif yang tersendiri. Kesenambungannya, penyusunan struktur bagi setiap peristiwa adalah berbeza-beza bagi mencapai objektif komunikasi.

Novel *MR* menampakkan garapan kesopanan berbahasa dan struktur peristiwa kesopanan bahasa yang signifikan sekali gus memperlihatkan kesesuaian novel ini sebagai teks Komsas. Para murid mendapat pendedahan tentang aspek kesopanan bertitik tolak daripada penggunaan bahasa yang sopan dan tepat selain memaparkan struktur peristiwa kesopanan untuk mencapai objektif komunikasi. Lanjutan daripada itu, kita dapat melahirkan generasi yang peka dalam membudayakan bahasa yang sopan dan sesuai dengan situasi atau peristiwa komunikasi.

\*\*\*\*\*

## **Bibliografi**

- Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad. (2001). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (2000). *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ismail. (2010, Oktober). Mencari Kekuatan Bahasa Dan Sastra Kebangsaan. *Dewan Bahasa* (pp. 15-18).
- Brown, P. & Levinson, S. C. (1987). *Politeness Some Universals in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Grice, H.P. (1975). "Logic and Conversations" dlm. Cole, P., & Morgan (ed.) *Syntax and Semantic: Speech Act* (pp. 41-58). New York: Academic Press.
- Hartini Hamzah. (2009). *Melunas Rindu Edisi Murid*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Leech, Geoffrey. (1983). *Principles of Pragmatics*. New York: Longman.
- Leech, Geoffrey. (1993). *Prinsip Pragmatik*. Terj. Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yazid Bin Haji Kassim. (2005). Genre Drama dalam Teks Sastra: Kajian Kandungan Nilai. *Tesis kedoktoran*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Naffi Mat. (2006, September). "Keperluan Teks Sastra dalam Pengajaran Bahasa Melayu". *Dewan Bahasa* (pp. 44-47). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hatini Zolkifli, Siti Saniah Abu Bakar. (2011, Jun). "Unsur Eufemisme dalam Novel Papa dan Azfa Hanani". *Jurnal Bahasa*, 12 (1): 83-108.
- Nor Azian Ab. Aziz. (2005). *Analisis Kesantunan Berbahasa: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik: Universiti Malaya.
- Noriati Abd. Rashid. (2013). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## LAMPIRAN 1

### Peristiwa 1 : Farhana ingin mendapatkan kepastian Fuad

Pola Maksim/Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati +Persetujuan+ Kuantiti + Relevan
MR-B12(13)-Fa-H129-D12/32	Fuad, aku tanya kau sikit boleh?
MR-B12(13)-Fu-H129-D14/37	Kenapa kau ajak aku keluar ni?
MR-B12(13)-Fa-H129-D13/32	Sebab hari ni hari jadi kau ...
	Tapi, orang lain pun ada hari jadi juga, kan? Kenapa tak susah-susah cari tarikh hari jadi mereka macam kau cari aku punya, lepas tu beri kad dan ajak keluar?
MR-B12(13)-Fu-H129-D15/37	Entahlah Ana. Mungkin sebab kau istimewa. Aku sukakan kau.
MR-B12(13)-Fa-H129-D14/32	Tapi aku tak cantik, kan?
MR-B12(13)-Fu-H129-D16/37	Siapa kata?
MR-B12(13)-Fa-H130-D15/32	Maksud aku, Sofia dulu jauh lebih cantik.
MR-B12(13)-Fu-H130-D17/37	Kau cemburu, Ana?
MR-B12(13)-Fa-H130-D16/32	Cemburu tu tidaklah. Tapi dia yang pertama, bukan?
MR-B12(13)-Fu-H130-D18/37	Tapi dia adik aku.
MR-B12(13)-Fa-H130-D17/32	Yalah ...
MR-B12(13)-Fu-H130-D19/37	Dia sudah tiada.
MR-B12(13)-Fa-H130-D18/32	Maaf Fuad, maaf. Aku betul-betul minta maaf. Aku tak bermaksud melukakan perasaan kau.
MR-B12(13)-Fu-H130-D20/37	Tak mengapa.

**Peristiwa 2:** Peristiwa bergurau tentang makanan

Pola Maksim/Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Relevan
MR-B12(13)-Fu-H130-D21/37	Aku lima kau lima belas. Kau makan banyak.
MR-B12(13)-Fa-H130-D19/32	Ah, tak betul! Aku satu kau sembilan belas. Aku kecil. Kau besar. Lojiknya tentulah perut aku kecil, perut kau besar.
MR-B12(13)-Fu-H130-D22/37	Boleh tahan engkau, ya?
MR-B12(13)-Fa-H130-D20/32	Kau cemburu?
MR-B12(13)-Fu-H130-D23/37	Okey ... Okey, maaf.

**LAMPIRAN 2**

**Peristiwa 3:** Perbualan tentang Fuad hendak ke Rumah Cikgu Zamani

Pola Maksim/Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Persetujuan+ Relevan
MR-B12(13)-Fu-H131-D24/38	Err Ana, malam ni aku nak ke rumah Cikgu Zamani, tau.
MR-B12(13)-Fa-H131-D21/32	Buat apa pula?
MR-B12(13)-Fu-H131-D25/38	Entah, dia ajak ke rumah selepas isyak. Ada makan-makan sikit, katanya dah banyak kali dia ajak sebelum ni, cuma aku saja yang asyik cari alasan. Kali ini aku pergilah.
MR-B12(13)-Fa-H131-D22/32	Pergilah.